



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**MENUNTUT DARIPADA ORANG YANG
MENINGGALKAN MALAYSIA**

KETETAPAN UMUM NO. 4/2022

TARIKH PENERBITAN: 20 OKTOBER 2022



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**MENUNTUT DARIPADA ORANG
YANG MENINGGALKAN MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 4/2022
Tarikh Penerbitan: 20 Oktober 2022**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi kedua

Edisi pertama pada 17 Disember 2015

© 2022 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	2
5. Menghalang Pembayar Cukai Daripada Meninggalkan Negara	4
6. Membenarkan Pembayar Cukai Meninggalkan Negara	4
7. Kaedah Bayaran	6
8. Akibat Meninggalkan atau Berniat Untuk Meninggalkan Negara Tanpa Membayar Cukai dan Hutang	7
9. Tanggungjawab Pembayar Cukai	7
10. Kemaskini dan Pindaan	8
11. Penafian	8

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan keadaan dan prosedur menuntut cukai dan hutang tertunggak daripada pembayar cukai yang akan meninggalkan Malaysia.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 75A, 103, 104, 115, 139, subseksyen 104(1A) dan perenggan 104(1)(b).

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Ketua Pengarah” bermaksud Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri yang disebut dalam seksyen 134 ACP.
- 3.2 “Pegawai Imigresen” bermaksud seorang pegawai awam yang mempunyai tugas rasmi berkaitan dengan kawalan imigresen ke Malaysia atau mana-mana bahagian di Malaysia.
- 3.3 “Pembayar cukai” bermaksud seorang individu atau pengarah syarikat.
- 3.4 “Pengarah” bermaksud mana-mana orang yang-
 - 3.4.1 memegang jawatan pengarah (dikenali dengan apa jua nama), termasuk mana-mana orang yang terlibat dalam pengurusan perniagaan syarikat itu; dan
 - 3.4.2 dengan sendirinya atau dengan sekutunya sebagaimana yang dimaksudkan dalam subseksyen 139(7) ACP:
 - (a) memegang tidak kurang daripada 20% modal saham biasa syarikat; atau
 - (b) mengawal secara langsung atau tidak langsung tidak kurang daripada 20% modal saham biasa syarikat.
- 3.5 “Pengarah Imigresen” bermaksud Pengarah Imigresen di Sabah, Sarawak atau Semenanjung Malaysia.
- 3.6 “Pesuruhjaya Polis” termasuk seorang Ketua Pegawai Polis.

- 3.7 “Sekatan perjalanan” bermaksud menghalang seseorang daripada meninggalkan Malaysia jika dia gagal membayar semua cukai, jumlah wang dan hutang yang kena dibayar.

4. Pengenalan

- 4.1 Di bawah seksyen 104 ACP, jika Ketua Pengarah (KP) berpendapat bahawa seorang pembayar cukai akan meninggalkan Malaysia tanpa membayar:

4.1.1 semua cukai yang kena dibayar olehnya (sama ada genap masanya atau genap masanya dan kena dibayar atau tidak);

4.1.2 semua jumlah wang yang kena dibayar olehnya berhubungan dengan:

- (a) kenaikan cukai yang dikenakan kerana lewat membayar cukai [subseksyen 103 (3), (5) atau (7) ACP]; atau
- (b) kenaikan cukai yang dikenakan kerana lewat membayar ansuran cukai [subseksyen 107B(3) atau subseksyen 107C(9) ACP]; atau
- (c) kenaikan cukai yang dikenakan dalam kes di mana amaun perbezaan di antara cukai yang kena dibayar di bawah suatu taksiran bagi tahun taksiran tersebut dan jumlah ansuran yang kena dibayar adalah melebihi tiga puluh peratus [subseksyen 107B(4) ACP]; atau
- (d) kenaikan cukai yang dikenakan dalam kes di mana amaun perbezaan di antara cukai yang kena dibayar di bawah suatu taksiran bagi suatu tahun taksiran dan anggaran tersemak atau anggaran tersemak yang dianggap, mana-mana yang terkemudian, atau tiada anggaran tersemak tersebut yang telah dikemukakan atau tiada anggaran tersemak yang dianggap tersebut adalah melebihi tiga puluh peratus [subseksyen 107C(10) ACP]; atau
- (e) kenaikan cukai yang dikenakan ke atas cukai yang kena dibayar jika:
 - (i) tiada anggaran cukai dikemukakan dan tiada Notis Bayaran Ansuran (CP205) dikeluarkan oleh KPHDN untuk membuat pembayaran secara ansuran di bawah subseksyen 107(8) ACP;

(ii) tiada tindakan pendakwaan diambil di bawah perenggan 120(1)(f) ACP atas kegagalan mengemukakan anggaran cukai; dan

(iii) ada cukai yang kena dibayar oleh syarikat, PLT, badan amanah atau koperasi bagi suatu tahun taksiran

[subseksyen 107C(10A) ACP]; dan

4.1.3 semua hutang yang kena dibayar olehnya ke atas cukai pegangan daripada:

- (a) bayaran kontrak [subseksyen 107A(2) ACP];
- (b) faedah dan royalti [subseksyen 109(2) ACP];
- (c) pendapatan kelas khas [subseksyen 109B(2) ACP]; atau
- (d) pendapatan khusus [subseksyen 109F(2) ACP]

yang diperoleh dari Malaysia dan dibayar kepada orang bukan pemastautin.

KP boleh mengeluarkan suatu sijil kepada seorang Pesuruhjaya Polis atau Pengarah Imigresen meminta supaya pembayar cukai itu dihalang daripada meninggalkan Malaysia sehingga dia telah membayar semua cukai, jumlah wang dan hutang yang kena dibayar sedemikian atau memberi cagaran dengan memuaskan hati KP bagi pembayaran tersebut.

4.2 Sijil yang mengenakan sekatan perjalanan tersebut mengandungi butir-butir cukai, jumlah wang dan hutang yang kena dibayar. Seorang Pesuruhjaya Polis atau Pengarah Imigresen apabila menerima sijil itu perlu mengambil langkah untuk menghalang pembayar cukai daripada meninggalkan Malaysia termasuklah menggunakan kekerasan yang munasabah dan penyitaan, pemindahan atau penahanan apa-apa perakuan pengenalan dan apa-apa passport, permit keluar atau dokumen-dokumen lain perjalanan berhubung dengan pembayar cukai itu bagi menguatkuasakan permintaan KP.

4.3 Bagi maksud seksyen 104 ACP, KP tidak perlu membuktikan bahawa seseorang pembayar cukai berhasrat untuk meninggalkan Malaysia selama-lamanya.

Contoh 1

Suatu sijil yang menghalang pembayar cukai daripada meninggalkan Malaysia di bawah seksyen 104 ACP telah dikeluarkan oleh KP kepada Encik Kumaresan pada 14.02.2022 kerana tidak menjelaskan cukai

pendapatan yang tertunggak sebanyak RM195,688. Sijil tersebut telah dikemukakan kepada beliau melalui pos berdaftar. Pada 18.07.2022, beliau telah pergi ke Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk memperbaharui pasportnya yang akan tamat tempoh pada 02.10.2022. Permohonannya untuk memperbaharui pasport telah ditolak oleh JIM kerana beliau telah dihalang daripada meninggalkan Malaysia di bawah sekatan perjalanan.

- 4.4 Mulai 1 Januari 2021, KP boleh mengemukakan sijil sekatan perjalanan pembayar cukai kepada Jabatan Imigresen Malaysia dengan menggunakan medium elektronik di bawah peruntukan subseksyen 104(1A) ACP.

5. Menghalang Pembayar Cukai daripada Meninggalkan Negara

- 5.1 Suatu sijil mengenakan sekatan perjalanan dikeluarkan kepada seorang individu atau pengarah syarikat yang dipertanggungjawabkan di bawah seksyen 75A ACP.
- 5.2 Sekatan perjalanan boleh dikuatkuasakan dalam situasi berikut:
- 5.2.1 seorang individu yang akan meninggalkan Malaysia tanpa membayar semua cukai, jumlah wang dan hutangnya yang kena dibayar; atau
- 5.2.2 seorang pengarah syarikat yang akan meninggalkan Malaysia tanpa membayar cukai dan hutang syarikat.
- 5.3 Sijil akan disampaikan kepada pembayar cukai secara kediri atau melalui pos berdaftar.
- 5.4 Tarikh pengeluaran sijil adalah tarikh kuat kuasa sekatan perjalanan.
- 5.5 Pembayar cukai hendaklah membayar semua cukai, jumlah wang dan hutang yang kena dibayar sepenuhnya berdasarkan sijil yang dikeluarkan.

6. Membenarkan Pembayar Cukai Meninggalkan Negara

- 6.1 Pembayar cukai akan dibenarkan meninggalkan negara sekiranya amaun tuntutan cukai dan hutang pada sijil telah dijelaskan sepenuhnya. Dokumen pembuktian atau resit perlu dikemukakan bagi menunjukkan bahawa bayaran telah dibuat. Bagi pembatalan segera, resit bayaran perlu dikemukakan kepada cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang mengendalikan fail cukai pendapatannya. Bagi pembayaran menggunakan cek, pembayar cukai dibenarkan meninggalkan negara

selepas cek telah dilunaskan oleh bank. Surat pembatalan akan dikeluarkan kepada pembayar cukai kemudiannya.

Contoh 2

Encik Smith William seorang warganegara asing yang bekerja di Malaysia telah menerima sijil yang dikeluarkan di bawah seksyen 104 ACP kerana beliau mempunyai cukai tertunggak sebanyak RM45,900. Beliau akan pulang ke negara asal setelah tamat kontrak perkhidmatannya di Malaysia. Beliau akan dibenarkan meninggalkan negara jika beliau telah menjelaskan semua tunggakan cukai dan menyerahkan dokumen bukti pembayaran yang telah dibuat.

- 6.2 Seorang pembayar cukai (tidak termasuk warganegara asing) yang tidak dapat menjelaskan tanggungan cukai dan hutang sepenuhnya boleh dibenarkan meninggalkan negara dengan syarat-syarat tertentu.
- 6.3 Syarat-syarat yang ditetapkan adalah seperti berikut:
 - 6.3.1 Menjelaskan bayaran sekurang-kurangnya 50% (atau suatu kadar yang ditentukan oleh KP) daripada amaun tuntutan pada sijil yang dikeluarkan di bawah seksyen 104 ACP.
 - 6.3.2 Bayaran perlu dibuat secara tunai atau deraf bank bagi membolehkan surat pelepasan sementara dikeluarkan kepada pembayar cukai. Dokumen pembuktian atau resit perlu dikemukakan bagi menunjukkan bahawa bayaran telah dibuat.
 - 6.3.3 Bayaran secara ansuran untuk baki cukai dan hutang perlu diatur bagi menyelesaikan amaun masih terhutang.
 - 6.3.4 Pembayar cukai yang gagal mematuhi jadual pembayaran tidak layak lagi dipertimbangkan untuk permohonan pelepasan sementara meninggalkan Malaysia.
- 6.4 Surat pelepasan sementara akan dikeluarkan dan tempoh pembayar cukai dibenarkan untuk perjalanan ke luar negara akan dinyatakan dalam surat itu.

Contoh 3

Encik Zafran Ahmad, warganegara Malaysia telah dikenakan sekatan perjalanan di bawah seksyen 104 ACP kerana perniagaan tunggalnya mempunyai cukai tertunggak sebanyak RM48,800. Beliau berhasrat untuk melancong ke Australia selama sepuluh (10) hari. Untuk mendapat pelepasan sementara daripada LHDNM, beliau perlu menjelaskan

sekurang-kurangnya RM24,400. LHDNM juga bersetuju bahawa beliau perlu jelaskan baki cukai yang masih belum selesai dengan enam (6) ansuran sebaik sahaja pulang ke Malaysia.

Contoh 4

Encik Ahmad Jabbar, seorang pengarah kepada Maju Shah Sdn Bhd telah dikenakan sekatan perjalanan di bawah seksyen 104 ACP kerana syarikat mempunyai cukai tertunggak sebanyak RM76,500. Beliau ingin ke luar negara untuk urusan perniagaan selama satu (1) minggu. Untuk mendapat pelepasan sementara daripada LHDNM, beliau menjelaskan sebahagian cukai sebanyak RM40,000 melalui draf bank. Tempoh pelepasan sementara beliau dibenarkan mengikut tempoh perjalanan beliau di luar negara. LHDNM bersetuju bakinya sebanyak RM 36,500 perlu dijelaskan dengan tiga (3) ansuran.

- 6.5 Maklumat berkaitan pembatalan sekatan perjalanan dan pelepasan sementara boleh didapati di laman web JIM.

7. Kaedah Bayaran

Bayaran cukai dan hutang tertunggak boleh dijelaskan melalui kaedah berikut:

- i. Portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my> melalui 'Perkhidmatan ezHasil' > 'ByrHASiL';
- ii. Portal perbankan internet bank komersial yang dilantik sebagai ejen kutipan HASiL;
- iii. Kaunter Pos Malaysia dan bank komersial yang dilantik sebagai ejen kutipan HASiL;
- iv. Mesin deposit tunai bank yang dilantik sebagai ejen kutipan HASiL; atau
- v. Mesin juruwang automatik (ATM) bank yang dilantik sebagai ejen kutipan HASiL

Penerangan lanjut boleh diperolehi daripada laman web rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my.

8. Akibat Meninggalkan atau Berniat Untuk Meninggalkan Negara Tanpa Membayar Cukai dan Hutang

8.1 Pembayar cukai yang meninggalkan Malaysia secara sukarela atau cuba meninggalkan Malaysia tanpa membuat bayaran untuk semua cukai, jumlah wang dan hutang yang kena dibayar yang disebutkan dalam sijil, jika disabitkan bersalah, akan dikenakan:

- i. suatu denda yang tidak kurang daripada dua ratus ringgit (RM200) dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit (RM20,000); atau
- ii. penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi enam (6) bulan; atau
- iii. kedua-duanya.

8.2 Seorang pegawai polis atau pegawai imigresen boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dia syaki dengan munasabah sebagai melakukan atau hampir hendak melakukan suatu kesalahan dengan tidak mematuhi sijil yang dikeluarkan di bawah seksyen 104 ACP.

9. Tanggungjawab Pembayar Cukai

9.1 Seorang pembayar cukai bertanggungjawab untuk memaklumkan secara bertulis pertukaran alamat (surat-menyurat, kediaman dan premis perniagaan) kepada cawangan LHDNM yang menguruskan fail cukai

pendapatannya. Pengeluaran sijil oleh KP dianggap sebagai telah diserahkan kepada pembayar cukai mengikut alamat terakhir yang diketahui oleh KP.

9.2 Pembayar cukai adalah dinasihatkan untuk menyemak dan menjelaskan tunggakan cukai dan hutang sebelum merancang ke luar negara.

9.3 Pembayar cukai boleh membuat semakan terus status pengenaan sekatan perjalanan di laman web rasmi JIM di www.imi.gov.my. Warganegara asing adalah dinasihatkan untuk menghubungi cawangan LHDNM atau pusat khidmat pelanggan LHDNM berkaitan statusnya.

10. Kemaskini dan Pindaan

	Pindaan dan Kemaskini										
KU ini menggantikan KU No. 12/2015 bertarikh 17 Disember 2015	Kandungan KU ini telah dipinda dan dikemaskini seperti berikut: <table><tr><th>Perenggan</th><th>Penjelasan</th></tr><tr><td>2</td><td>Perenggan 2.2 dikemaskini</td></tr><tr><td>4</td><td>i) Perenggan 4.1.2 (a) dikemaskini ii) Perenggan 4.1.2 (e) ditambah iii) Perenggan 4.3 - Contoh 1 dikemaskini kepada tahun terkini iv) Perenggan 4.4 ditambah</td></tr><tr><td>10</td><td>Perenggan 10 ditambah</td></tr><tr><td>11</td><td>Perenggan 11 ditambah</td></tr></table>	Perenggan	Penjelasan	2	Perenggan 2.2 dikemaskini	4	i) Perenggan 4.1.2 (a) dikemaskini ii) Perenggan 4.1.2 (e) ditambah iii) Perenggan 4.3 - Contoh 1 dikemaskini kepada tahun terkini iv) Perenggan 4.4 ditambah	10	Perenggan 10 ditambah	11	Perenggan 11 ditambah
Perenggan	Penjelasan										
2	Perenggan 2.2 dikemaskini										
4	i) Perenggan 4.1.2 (a) dikemaskini ii) Perenggan 4.1.2 (e) ditambah iii) Perenggan 4.3 - Contoh 1 dikemaskini kepada tahun terkini iv) Perenggan 4.4 ditambah										
10	Perenggan 10 ditambah										
11	Perenggan 11 ditambah										

11. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**